

Mekah buat persiapan umrah

JEDDAH: Selepas kejayaan menguruskan perjalanan haji dengan penetapan pelbagai prosedur operasi standard (SOP), Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi kini menumpukan pula kepada persiapan musim umrah.

Timbalan Menterinya, Dr. Hussein al-Sharif berkata, pihaknya akan menilai semua perkara termasuk langkah pencegahan Covid-19 yang dilakukan oleh pihak berkuasa semasa ibadah haji berlangsung sebelum ini.

"Untuk tempoh dua minggu ini, kita akan menilai segala 'pengalaman' yang diperoleh ketika menguruskan haji kali ini yang terjejas akibat penularan Covid-19.

"Selepas itu, kita akan mulakan persiapan musim umrah," katanya seperti dilaporkan *Saudi Gazette*.

Beliau berkata, umrah juga akan menyaksikan prosedur sama diterapkan bagi membendung Covid-19.

Kerajaan Arab Saudi bagaimanapun tidak menyatakan bila ibadah umrah dilaksanakan atau sama ada dibuka kepada jemaah luar.

Mengenai perjalanan haji tahun ini katanya, jemaah perlu menjalani kuarantin diri di rumah selama tujuh hari dan digalakkan untuk tidak ke mana-mana sepanjang tempoh tersebut.

Katanya, Kementerian Kes-



JEMAAH berdoa ketika wukuf di Arafah. Selepas kejayaan menguruskan haji di tengah-tengah pandemik Covid-19, kerajaan Arab Saudi kini membuat persiapan untuk musim umrah. - AFP

hatan akan memantau pergerakan dan tahap kesihatan mereka.

"Semua jemaah berkumpul di tempat penginapan masing-masing di Mekah setelah selepas menunaikan ibadah haji dan mereka yang ingin meneruskan perjalanan dengan menaiki kapal terbang akan dihantar ke

lapangan terbang.

"Bagi jemaah yang menggunakan kenderaan darat, kementerian menyediakan kemudahan pengangkutan untuk menghantar mereka pulang ke rumah, selain turut memantau keadaan kesihatan dan mematuhi peraturan kuarantin," ka-

tanya.

Sementara itu, Hussein memuji usaha yang dilakukan pihak berkuasa Arab Saudi dalam menyediakan segala kemudahan dan perkhidmatan untuk jemaah menunaikan ibadah haji dalam keadaan lancar biarpun berdepan Covid-19.